

# Jenayah jalanan Kuala Lumpur menurun

Berita Harian 26/03/2010 M/S 3

## Kerjasama orang ramai dengan polis meningkat selain penggemblengan Rela, JPAM

**P**UTRAJAYA: Kadar jenayah jalanan di sekitar Kuala Lumpur bagi Januari dan Februari tahun ini menurun 49.91 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Tanpa memberikan jumlah, Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Abdul Samah Mat, berkata penurunan paling tinggi membabitkan jenayah samun berkawan tanpa senjata api iaitu 57.66 peratus diikuti samun berseorangan tanpa senjata api 28.65 dan ragut 42.18 peratus.

Beliau berkata, polis mengenal pasti jenayah jalanan membabitkan tiga kategori jenayah berkenaan mengikut Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Sementara itu, katanya, jenayah indeks bagi kawasan Kuala Lumpur pula menurun 29.48 peratus bagi tempoh sama.


Katanya, penurunan kadar jenayah indeks dan jalanan di ibu kota itu sebahagian besar adalah kerana peningkatan

kerjasama orang ramai dengan polis selain usaha kerajaan menerusi penggemblengan tenaga anggota Rela dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).

"Kita berharap masyarakat dapat terus memberikan kerjasama kepada polis serta sokongan padu bagi membanteras jenayah jalanan ini," katanya kepada pemberita selepas sambutan Hari Polis ke-203 peringkat Wilayah Persekutuan di Ibu Pejabat Daerah Polis Putrajaya, di sini, semalam.

Terdahulu beliau membacakan perutusan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, sempena sambutan itu.

Justeru, katanya, kerjasama berterusan antara polis dan orang ramai perlu ditingkatkan bagi mencapai sasaran penurunan kadar jenayah jalanan sebanyak 20 peratus menjelang



**ABDUL SAMAH** menyampaikan surat penghargaan daripada Ketua Polis Negara kepada anggota polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya, sambil diperhatikan oleh Ketua Polis Daerah Putrajaya, Asisten Komisiner Abdul Razak Abdul Majid sempena sambutan Hari Polis ke-203.

akhir tahun ini.

Pada majlis sambutan, Abdul Samah menyerahkan surat kenaikan pangkat bagi anggota lain-lain pangkat kepada 56 kakitangan membabitkan sarjan mejar, sarjan dan kopteral.

Sementara itu, seramai lapan pegawai dan anggota menerima surat penghargaan Ketua Polis Negara iaitu Deputy Superintendan Yahya Abdul Rahman; Asisten Superintendan Ng Man Fatt; Cif Inspektor S Hare Krishnan; Cif Inspektor Tay Chew Thwa; Sarjan Mejar Abdul Rahman Ibrahim; Kopteral Bahari Baharum; Kopteral Shahbudin Ismail dan Lans Kopteral Mohd Nahar Abdul Rahman.

Seramai 26 anggota polis daripada kontinjen Kuala Lumpur dan lima orang awam menerima surat penghargaan Ketua Polis Kuala Lumpur.